UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

APEX

PERPUSTAKAAN
LIBRARY | Universiti Sains Malaysia

# JENDELA

Buletin Perpustakaan | Bilangan 9/2017



# JENDELA: BULETIN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Bilangan 9/2017

ISSN: 2289-1595

www.usm.my | www.lib.usm.my

**PUBLISHED BY / DITERBITKAN OLEH:**

Perpustakaan Hamzah Sendut USM

**THE EDITOR-IN-CHIEF / KETUA SIDANG EDITOR:**

Muhammad Akmal Ahmat

**REVIEWERS / PEWASIT:**

Siti Fatimah Hashim

Radia Banu Jan Mohamad

**MEMBERS OF THE EDITORIAL BOARD / SIDANG EDITOR:**

Mohd Kamal Mohd Napiah

Jamilah Hassan Basri

Suhana Ishak

Tuan Sira Zawana Tuan Yaakub

Ainun Zakiah Zanial

Noor Azlinda Wan Jan

**DESIGNED BY / DIREKA OLEH:**

Rosnani Ahmad

Ebrahim Abdul Manan (MPRC)

**ADDRESS FOR SUBMISSION / ALAMAT UNTUK PENYERAHAN:**

The Editor-in-Chief,

Jendela: Buletin Perpustakaan

Perpustakaan Hamzah Sendut,

Universiti Sains Malaysia 11800, Pulau Pinang Malaysia

Tel: +604-653 5373

Fax: +604-657 1526

E-mail: jendelausm@gmail.com

JENDELA

Bil. 1 (Disember 1985)-
Pulau Pinang: Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, 1985-
ISSN 2289-1595
1. Library science – Periodicals 2. Library science – Malaysia – Periodicals 3. Academic libraries – Malaysia -- Periodicals
I. Universiti Sains Malaysia
Z671

# ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN KETUA SIDANG PENGARANG ....................................................3

KATA ALU- ALUAN KETUA PUSTAKAWAN ................................................................................4

PAMERAN SEMPENA KUNJUNGAN MANTAN KETUA PUSTAKAWAN PERTAMA KE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA................6

AUNILO: LIBRARIES OF ASEAN UNIVERSITY NETWORK................................13

INTERNATIONAL CONFERENCE ON LIBRARIES 2017 (ICOL 2017) .........................18

TAHNIAH KEPADA PASUKAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PENYELIDIKAN@USM ..................................21

PELAKSANAAN NOMBOR KOD BAR TUNGGAL DI BAHAGIAN PEROLEHAN, PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT..........................................22

PEMETAAN SENARAI PENERBITAN & PENYERAGAMAN NAMA PENSYARAH DI DALAM OPEN ACCESS REPOSITORY@USM (SISTEM ePRINTS)......24

PUSAT PENYIMPANAN KOLEKSI NEGARA ZON UTARA (PPKNU) DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DARI 1988 SEHINGGA 2017...............................................27

LAPORAN AKTIVTI ANGKATAN SENI DAN SUKAN PERPUSTAKAAN (ASTAKA) PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT 2017 .34

SENARAI PENYELIDIKAN STAF PERPUSTAKAAN 2017 ....................................39

SENARAI STAF BERTUKAR KE JABATAN LAIN .................................................................41

SENARAI STAF BERTUKAR DARI BAHAGIAN KE BAHAGIAN ...........................41

SENARAI STAF BAHARU ...............................42

KOLEKSI GAMBAR TERPILIH AKTIVITI PERPUSTAKAAN TAHUN 2017 ..................... 44

1. MAJLIS PERSARAAN KETUA PUSTAKAWAN 2017.................................... 44

2. MINGGU BERSAMA PELANGGAN 2017 ................................................................ 45

3. MAJLIS PENGHARGAAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN USM 2016 ................................................................ 46

4. PROGRAM RESEARCH SUPPORT WORKSHOP: EMPOWERING SKILLS OF RESEARCHERS ............................................ 47

5. PROGRAM BASIC ENGLISH COMMUNICATION SKILLS FOR COUNTER STAFF.......................................... 48

# KATA ALUAN KETUA SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, terima kasih sidang pengarang, penyumbang artikel dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan majalah Jendela: Buletin Perpustakaan edisi kesembilan.

Warga pembaca sekalian,

Jendela: Buletin Perpustakaan memaparkan rakaman peristiwa menarik sepanjang 2017. Antara menjadi tumpuan adalah kunjungan Encik Lim Huck Tee dan penganjuran ICOL 2017.

Semoga pembaca majalah ini dapat pengetahuan yang lebih mendalam dan bermanfaat.

Akhir kata, Selamat membaca.

Layari: http://jendelausmlibrary.blogspot.my



# KATA ALU- ALUAN KETUA PUSTAKAWAN



Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh

Alhamdulillah, pertama sekali saya merafakkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa di atas kurniaNya saya diberi peluang untuk mencoret sepatah dua kata di ruangan ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Pengarang di atas usaha dan komitmen yang diberikan bagi menghasilkan penerbitan Jendela kali ke-9 2017.

Saya kembali ke Perpustakaan Induk pada tahun 2016 sebagai Ketua Pustakawan yang ke 9 dengan harapan agar dapat bersama-sama menggembleng tenaga dalam memposisikan pembangunan dan perkhidmatan Perpustakaan di tahap terbaik menjelang 2020. Penyampaian sumber maklumat berkualiti melalui perkhidmatan Perpustakaan perlu diperkasakan bagi membentuk masyarakat berilmu pengetahuan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pengukuhan pembangunan Perpustakaan dan memperkasa kepimpinan dan profesion kepustakawanan yang berkompetensi dan berprestasi tinggi. Perkembangan yang pesat di dalam teknologi maklumat dan komunikasi telah merubah corak pencarian maklumat. Maklumat tidak lagi terhad namun boleh diperolehi di hujung jari. Transformasi digital yang perlu dilakukan termasuk memperkasakan perkhidmatan Perpustakaan yang berteraskan pengaksesan maklumat secara digital dan mempergiatkan lagi pembangunan kandungan digital dengan lebih terancang dan sistematik. Apatah lagi dengan ledakan Revolusi Industri 4.0 menuntut Perpustakaan bergerak seiring dengan perkembangan pendigitalan, '*artificial intelligence*', '*Internet of Things'* serta *'Big Data'* dan berkeperluan tinggi untuk terus beradaptasi dan berevolusi agar tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa.



Tahun 2017 adalah tahun yang mencabar kerana Perpustakaan sekali lagi menghadapi cabaran ekonomi melalui proses rasionalisasi bajet. Perpustakaan diminta untuk menjana kewangan bagi membantu penjanaan kewangan Universiti. Rasionalisasi bajet ini menjadi cabaran hebat kerana kita masih lagi perlu memenuhi keperluan pengguna dan memastikan aktiviti pembelajaran dan pengajaran tidak terjejas. Walau bagaimanapun, di sebalik kekangan tersebut

pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun lepas dengan meminimakan perbelanjaan dan usahasama dengan pihak lain bagi menjayakan aktiviti yang telah dirancang.

Mutakhir ini penerbitan telah menjadi satu trend di mana Pustakawan juga digalakkan agar menulis artikel-artikel atau makalah ilmiah berdasarkan bidang kepakaran/minat masing-masing. Besar harapan saya agar Jendela boleh menjadi wadah untuk penulis muda mengasah bakat mereka dan semoga penerbitan Jendela akan dapat digiatkan lagi di masa hadapan.



Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan buat seluruh warga Perpustakaan untuk terus berusaha dalam mencapai kegemilangan dan memartabatkan Perpustakaan seiring Revolusi Industri 4.0. Marilah kita bersama-sama menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh keikhlasan serta berintegriti dan mudah-mudahan usaha ini diberkati Allah S.W.T dan menjadi amal soleh yang akan kita kecapi pada kemudian hari. In sya Allah.

Sekian. Wassalam.

***Puan Engku Razifah Engku Chik***
***Ketua Pustakawan***
***Universiti Sains Malaysia***












# PAMERAN SEMPENA KUNJUNGAN MANTAN KETUA PUSTAKAWAN PERTAMA KE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Oleh: Noor Azlinda Wan Jan**

Pada 14 April 2017, kampus Minden telah dikunjungi semula oleh Mantan Ketua Pustakawan yang pertama, Encik Edward Lim Huck Tee yang juga dikenali dengan gelaran "Bapa Pembangunan Perpustakaan USM". Encik Edward Lim yang pulang ke Pulau Pinang untuk bercuti telah mengambil kesempatan untuk mengunjungi kampus USM. Kunjungan istimewa ini telah membawa semula Encik Edward Lim kembali ke Perpustakaan setelah bersara daripada jawatan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia pada 15 September 1988 selepas mengetuai Perpustakaan selama 19 tahun. Bersempena kunjungan ini, satu sesi perjumpaan bersama beliau telah diadakan pada 14 April 2017, jam 2.30 petang di Academic Lounge, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 yang dihadiri oleh semua Pustakawan dan juga staf yang pernah berkhidmat sewaktu beliau menjadi Ketua Pustakawan dahulu.





Encik Edward Lim dilahirkan pada 23 November 1936 di Georgetown, Pulau Pinang. Beliau berkelulusan *Bachelor with Honors* dari National University of Singapore pada tahun 1961, *Graduate Diploma in Librarianship*, University of New South Wales, Sydney, Australia pada tahun 1963 dan juga *Diploma in Information Systems*, University of Canberra, Australia pada tahun 1985. Beliau memulakan kerjaya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1960 sehingga 1969 dan seterusnya menjadi Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 1969 sehingga 1988. Beliau kemudiannya meneruskan kerjaya di Perpustakaan Monash University, Melbourne, Australia sejak tahun 1988.



**Ketua Pustakawan**
**Encik Edward Lim Huck Tee**

**Jubah sutera berwarna ungu, berbentuk sama seperti jubah Bendahari dan dihiaskan dengan baldu hitam di kain lapisan luarnya. Topi mahasiswa diperbuat dari baldu hitam bewarna dengan kancing dan rumbai hitam.**

Bersempena lawatan rasmi ini juga, Bahagian Malaysiana dan Arkib telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Pameran Ketua Pustakawan Pertama, Encik Edward Lim Huck Tee di Ruang Pameran, Perpustakaan Hamzah Sendut 1. Bahan-bahan pameran adalah terdiri daripada gambar-gambar beliau semasa berkhidmat di Universti Sains Malaysia, berita-berita berkaitan beliau yang telah diterbitkan oleh Majalah Perantara: Suara Universiti Sains Malaysia pada tahun 1987 dan 1988 serta penerbitan dan penulisan beliau. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk mengembalikan semula nostalgia zaman kegemilangan Encik Edward Lim semasa beliau menerajui Perpustakaan serta menyebarkan maklumat berkenaan kepada staf baharu yang bertugas di Perpustakaan kini.





**Lawatan Pertama ke USM oleh Perdana Menteri Kedua Malaysia,**
**Tun Abdul Razak**
**3 September 1972**

**Bersama Ketua Pustakawan, Encik Edward Lim Huck Tee di Perpustakaan USM**





**Pameran Buku-Buku Ekonomi Dunia Hari Ini**

**28 April – 30 April 1977**

Tidak dapat dinafikan bahawa beliau telah banyak menabur jasa kepada Perpustakaan dengan kejayaan, pembaharuan dan kemajuan yang telah dicapai serta menjadi titik mula kepada pembangunan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia sebagai pusat rujukan utama kepada penyelidik.

Terima kasih kepada semua staf Bahagian Malaysiana dan Arkib yang telah bertungkus-lumus menyediakan bahan pameran, menyusun-atur bahan dan menyediakan sebuah pameran yang bernilai. Semoga staf generasi baharu dapat mengambil teladan melalui pencapaian terdahulu dengan memberikan yang terbaik untuk Perpustakaan. Terima kasih juga kepada staf Perpustakaan Hamzah Sendut yang telah membantu dalam menjayakan pameran ini.






MR. LIM HUCK TEE
FIRST CHIEF LIBRARIAN
USM LIBRARY



Terima kasih kepada Mantan Ketua Pustakawan, Encik Edward Lim daripada seluruh warga Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.



# AUNILO: LIBRARIES OF ASEAN UNIVERSITY NETWORK

**By: Radia Banu Jan Mohamad**

The AUNILO (ASEAN University Network Inter-Library Online) Working Committee was formed as a result of the Resolution of the Conference on ASEAN University Network Inter-Library Online held at De La Salle University, Manila, Philippines on 13 February 2002. The aim of the AUNILO Working Committee is to help members develop world-class library and information services by:

- Planning and formulating strategies and monitoring the progress of activities for the mutual benefit of the member libraries.
- Pursuing resource sharing activities among the member libraries.
- Developing and sustaining human resource development programs among the member libraries.
- Harnessing ICT in the promotion, maintenance and enhancement of programs and activities of member libraries.

The name of the AUNILO Working Committee was changed to AUNILO Committee during the 3rd Meeting held in Brunei Darussalam from 18th September to 21st September 2006. The AUNILO Committee meets at least once a year to plan, prepare and assess activities as well as present Institutional/Country reports. The AUNILO which stands for ASEAN University Network Inter-Library Online was reviewed during the 9th AUNILO Meeting at University of Malaya, Kuala Lumpur in 2013 after it was motioned out in the 8th Meeting at the National University of Singapore in 2012. It was agreed that the AUNILO name of the network which is already known, to be remained, but it no longer refers to Inter-Library Online but represents Libraries of ASEAN University Network.

The objectives of the AUNILO are:

i. To promote competent human resource development in ASEAN by strong support of wider access to academic sources shared by all ASEAN countries.

ii. To strengthen existing linkages and support further co-operations among higher education institutions in ASEAN countries through the sharing of academic resources.

iii. To provide another channel of information sharing among academic communities in ASEAN, utilizing technological advancement and existing resources in the AUN Member Universities.

**AUNILO Secretariat**

Universiti Sains Malaysia Library (Malaysia) was elected as AUNILO Secretariat for the year 2004 – 2008. The appointment as Secretariat has been extended to 2013 and continued for another five years to 2018. The terms of reference of the Secretariat are as follows:

- Coordinate with the AUN Secretariat and member libraries of planned activities and monitor progress of said activities.
- Facilitate communication among member libraries.
- Act as clearing house for training and other programmes.
- Present progress report at the annual meeting

**Chairperson of AUNILO Secretariat:**

Datin Masrah Hj. Abidin (2004–2007)
Mrs. Sofiah Hashim (2007 – 2008)
Mr. Mohd Pisol Ghadzali (2008 - 2013)
Mr. Mohd Pisol Ghadzali
Mr.Ali Abd Rahim
Mrs. Engku Razifah Engku Chik
(2013-2018)

**AUNILO on the web:**
Information on AUNILO is accessible through the following links:

https://aunilosec.blog/

https://www.facebook.com/AUNILO

https://www.flickr.com/photos/aunilo/

During the tenure, USM Library has successfully hosted two events namely the 2nd Meeting for AUNILO Working Committee in 2005 at the Gurney Hotel, Penang and AUNILO Capability Building Training in 2015 at USM. The term for USM Library to hold the position as AUNILO Secretariat will end in 2018. Philippines had agreed in the 13th AUNILO Meeting in Bangkok, Thailand to take over the position and the tasks. The official handover will be performed during the 14th AUNILO Meeting in Vietnam in July 2018. The experience of handling a network of ASEAN region for 14 years will always be cherished as it has taught us to be professional, developed excellence in selected areas and maintained the relationship of built network among the member countries.




USM Library hosted the 2nd Meeting of AUNILO in 2005




Group photo of AUNILO Member Universities at the $13^{th}$ AUNILO Meeting



$13^{th}$ AUNILO Business Meeting at Mahidol University, Thailand




Malaysia's AUNILO Member Universities – USM, UM, UKM, UPM & UUM

# INTERNATIONAL CONFERENCE ON LIBRARIES 2017 (ICOL 2017)

**Oleh: Radia Banu Jan Mohamad, Siti Fatimah Hashim & Engku Razifah Engku Chik**

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia sekali lagi telah menjayakan Persidangan Antarabangsa Perpustakaan atau lebih dikenali sebagai *International Conference on Libraries* (ICOL 2017) pada tarikh 2 - 3 Ogos 2017 yang lalu di Hotel Vistana, Pulau Pinang. Tema Persidangan kali ke-6 ini adalah *"Towards Lean Libraries".*

Seramai 104 orang telah menyertai Persidangan ini yang terdiri daripada 71 orang peserta, 18 orang pembentang kertas kerja termasuk dari luar negara iaitu Singapura, Korea, Taiwan dan Thailand dan 15 orang dari syarikat pembekal yang menjadi penaja Persidangan ini. ICOL yang mula diadakan sejak tahun 2005 terus berjaya menarik minat dan memberi ruang kepada syarikat pembekal untuk mempamer dan mempromosi pelbagai produk, mengelola aktiviti disamping menyediakan hadiah-hadiah menarik kepada peserta Persidangan.

ICOL2017 telah dirasmikan oleh Naib Canselor USM, Professor Datuk Dr. Asma Ismail manakala ucap tama telah disampaikan oleh Professor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), USM. Terdapat 4 sesi pembentangan kertas kerja dengan satu tambahan sesi selari di mana peserta didedahkan dengan pelbagai isu berkaitan dengan tema Persidangan seperti *Managing Libraries*, *Creativity and Innovation*, *Right Tool at the Right Time* dan *Improve while Reduce*. Penceramah jemputan ICOL2017 adalah Mr. Jeremy Nelson, Pustakawan Sistem Maklumat dan Meta-data dari Colorado College yang juga merupakan pengarang buku *Becoming a Lean Library: Lessons from the World of Technology Start-Ups*, telah menyampaikan pembentangannya melalui rakaman video dan sesi soal jawab dengan menggunakan aplikasi Skype. Satu forum khas tentang *Lean Libraries* diadakan pada hari kedua ICOL2017 bersama ahli panel jemputan yang terdiri daripada pustakawan dan pensyarah untuk membincangkan dan mentafsirkan isu semasa yang berkaitan dengan tema Persidangan agar dapat meningkatkan kefahaman peserta. Sebelum Persidangan berakhir, satu slot pembentangan IFLA WLIC2018 telah diadakan untuk mempromosikan IFLA yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun hadapan.

ICOL adalah satu jenama Persidangan Antarabangsa kebanggaan Perpustakaan USM yang menjadi wadah dalam perkongsian maklumat dan amalan terbaik perpustakaan akademik. ICOL2017 telah berjaya mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan hasil usaha dan kerjasama semua pihak serta komitmen yang tinggi daripada semua staf yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Diharapkan ICOL2017 telah memberi impak positif kepada para pustakawan yang hadir.




Foto bersama Naib Canselor USM pada Majlis Perasmian ICOL2017




Forum khas "Lean Libraries" bersama En. Ghazali Mohamed Fadzil (BNM), Assoc. Prof. Dr. Shankar Chelliah (USM), Dr. Khasiah Zakaria (UiTM) dan moderator Puan Rashidah Begum Fazal Mohamed




Peserta persidangan dalam salah satu sesi pembentangan ICOL2017




Peserta persidangan dan pembekal di salah satu gerai pameran produk

# TAHNIAH KEPADA PASUKAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PENYELIDIKAN@USM

**Oleh: Muhammad Akmal Ahmat**

Pasukan Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan atau Research Support Services@USM telah mendapat pingat gangsa bagi bahagian inovasi kategori profesional dalam pertandingan InDeLib. Pasukan ini diwakili oleh Musa Mohamed Ghazali, Asma Wati Ibrahim, Mohd Ikhwan Ismail, Rosnani Ahmad, dan Shahriza Fadly Misaridin.

*The International Innovation and Design in Library and Information Science* atau nama ringkasnya InDeLib edisi tahun 2017 telah diadakan pada 13 September 2017 di Dewan Tun Abu Zahar, Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur sempena Persidangan Perpustakaan Se-Malaysia 2017 (PPSM). InDeLib 2017 dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Persatuan Pustakawan Malaysia, dan Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kedah. InDeLib, jenama yang dibangunkan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kedah, telah kali pertama diadakan pada tahun 2016 di Rainbow Paradise Beach Resort, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

Dengan membawa tema 'Inovasi Berterusan untuk Kecemerlangan', InDeLib edisi tahun 2017 menyaksikan 76 pencipta dan inovator dari pelbagai organisasi dan institusi pembelajaran yang bertanding dalam tiga bahagian (Reka cipta, Inovasi, dan Reka bentuk) dalam empat kategori (Organisasi, Profesional, Institut Pengajian Tinggi, dan Pelajar Sekolah).



# PELAKSANAAN NOMBOR KOD BAR TUNGGAL DI BAHAGIAN PEROLEHAN, PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT

**Oleh: Yusliza binti Jusoh**

Sejak penubuhan Perpustakaan USM pada 1969, telah diwujudkan satu nombor unik sebagai pengenalan kepada bahan bercetak dan bahan bukan bercetak yang dikenali sebagai nombor perolehan. Nombor perolehan diberikan kepada setiap naskhah buku yang diterima. Turutan nombor ini dapat memberi gambaran tentang sejarah penerimaannya. Nombor ini diwujudkan dengan tujuan untuk kemudahan mengenal pasti bahan dengan penunjuk tertentu yang menunjukkan jenis dan lokasi bahan dalam Perpustakaan. Pengwujudan dua nombor pengenalan iaitu nombor perolehan dan nombor kod bar adalah rentetan berlakunya migrasi daripada sistem manual (kad katalog) kepada sistem berkomputer (*Library Management System*). Keperluan kepada fungsi nombor perolehan semakin minima kerana beberapa fungsi telah diambil alih oleh sistem perpustakaan. Kemudahan janaan statistik bahan contohnya dapat dihasilkan melalui sistem nombor kod bar.

Perpustakaan Hamzah Sendut telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan **nombor kod bar tunggal** tanpa nombor perolehan pada semua bahan bercetak termasuk bahan media mulai Januari 2018. Selepas pelaksanaan sistem nombor kod bar ini, tiada lagi nombor perolehan yang akan digunakan bagi semua bahan sumber maklumat. Perbincangan dan penelitian untuk pelaksanaan cadangan ini dimulakan pada pertengahan Jun 2016.

Nombor kod bar tunggal terdiri daripada 11 digit yang dihasilkan seperti berikut:

PHS/YY/MM/xxxx (Contoh: PHS18020012)

| | |
|---|---|
| PHS | Nama Perpustakaan |
| YY | Tahun (2018) 18 |
| MM | Bulan (02) |
| XXXX | Nombor Turutan (1-1000) |

Label nombor kod bar dilekatkan pada bahan bercetak seperti berikut:

- Bahagian dalam kulit belakang buku (di muka surat kanan terakhir atau di tempat yang sesuai jika tiada ruang di kulit belakang buku).
- Belakang muka surat judul pada bahagian tengah di belakang muka surat judul atau di tempat yang sesuai jika tiada ruang.

Bagi bahan media, nombor kod bar ditulis atau dilekatkan pada bahan atau pada kotak bahan.

Hasil daripada pelaksanaan ini, beberapa perubahan berlaku dalam proses kerja sedia ada di Bahagian Perolehan (BP). Pada masa ini, Bahagian Perolehan (BP) hanya perlu melengkapkan maklumat dalam Modul Perolehan (A*cquisition Module*) iaitu proses pesanan dan penerimaan. Manakala proses

melengkapkan maklumat bahan dalam Modul Pengkatalogan (Catal*oguing Module*) dilakukan sepenuhnya oleh Bahagian Pengkatalogan.

Penambahbaikan proses kerja ini dilaksanakan bagi memantapkan lagi proses perolehan dan kawalan bahan di Perpustakaan. Hasil daripada pelaksanaan nombor kod bar tunggal ini dapat mengurangkan pembaziran masa dan sumber seterusnya kecekapan dapat ditingkatkan.

# PEMETAAN SENARAI PENERBITAN & PENYERAGAMAN NAMA PENSYARAH DI DALAM OPEN ACCESS REPOSITORY@USM (SISTEM EPRINTS)

**Oleh: Fatin Nur Syazwani binti Mohd Zain, Muhammad Akmal Ahmat, Sukmawati Muhamad**

Pada 9 Oktober 2017 hingga 21 November 2017 yang lalu, Bahagian Pendigitalan dan Repositori (BPR), Perpustakaan Hamzah Sendut bersama pelajar praktikal daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah melaksanakan satu projek pemetaan senarai penerbitan dan penyeragaman nama pensyarah di dalam sistem repositori bahan ilmiah Universiti Sains Malaysia (USM). Sistem repositori yang dimaksudkan adalah dikenali sebagai Open Access Repository@USM dengan menggunakan sistem perisian ePrints.

Projek ini dilaksanakan disebabkan terdapat senarai penerbitan yang tidak lengkap dan nama-nama pensyarah yang tidak seragam di dalam sistem ePrints. Ditambah pula, senarai nama penulis sedia ada dalam sistem ePrints telah bercampur aduk dengan nama pusat tanggungjawab dan nama penyelidik yang lain.

Selain itu, proses kajian penulisan ilmiah Open Access oleh golongan pensyarah menghadapi kesukaran disebabkan jumlah penerbitannya yang tidak konsisten sama ada di dalam ePrints dengan senarai penerbitan yang berada di SCOPUS, Directory of Open Access Journal (DOAJ) dan Google Scholar. Lebih 6,600 nama penulis telah didepositkan dalam ePrints, namun tidak diketahui jumlah sebenar bagi segmen golongan pensyarah USM tersebut.

Semasa projek ini dilaksanakan, jumlah bilangan pensyarah yang direkodkan daripada Bahagian Sumber Manusia, USM mencatatkan seramai 1,846 orang pensyarah. Meskipun begitu, semua penama ini sebenarnya belum disusun atur dalam sistem ePrints. Oleh itu, projek pemetaan senarai penerbitan dan penyeragaman nama pensyarah di dalam sistem ePrints perlu dilaksanakan bagi memudahkan proses pengesanan nama penulis bagi setiap senarai penerbitan tersebut supaya kelihatan lebih terperinci dan interaktif.

Proses kerja yang terlibat adalah seperti berikut; Pertama, mewujudkan senarai sampel nama pensyarah dalam label "*Divisions*" sistem ePrints satu persatu iaitu sebanyak 331 penama. Kedua, menambah baik penglabelan "*Divisions*" bagi setiap artikel dengan meletakkan nama pensyarah terbabit.

Akhir sekali, projek tersebut telah membawa manfaat seperti berikut; Pertama, mewujudkan *ID Expert Profile ePrints* bagi setiap pensyarah USM. Hal ini memudahkan paparan jumlah bahan penerbitan berdasarkan nama pensyarah pusat pengajian masing-masing. Kedua, memudahkan proses audit MyRA bagi mengesan jumlah penerbitan dengan memaparkan susunan nama pensyarah dan senarai penerbitan mengikut tahun serta jenis bahan.

Contoh paparan:



Browse by Year where Division is "Zoom Profil Pakar (Expert Profile)"

Up a level

- Universiti Sains Malaysia (USM) & Affiliates (35299)
  - **Zoom Profil Pakar (Expert Profile)** (195)
    - Associate Professor Dr. Ahmad Munir Che Muhamed (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Associate Professor Dr. Ahmad Ramli Mohd Yahya (Biological Sciences) (2)
    - Associate Professor Dr. Asrulnizam Abd Manaf (Collaborative Microelectronic Design Excellence Centre) (2)
    - Associate Professor Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk (Policy Research & International Studies) (2)
    - Associate Professor Dr. Aziah Ismail (Institute For Research In Molecular Medicine (Health Campus)) (1)
    - Associate Professor Dr. Badrul Hisham Yahaya (Advanced Medical & Dental Institute) (2)
    - Associate Professor Dr. Bakiah Shaharuddin (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Associate Professor Dr. Ellisha Nasruddin (Graduate School of Business) (1)
    - Associate Professor Dr. Farzad Ismail (Aerospace Engineering) (1)
    - Associate Professor Dr. Foo Leng Huat (Health Sciences) (19)
    - Associate Professor Dr. Gan Chee Yuen (Analytical Biochemistry Research Centre) (2)
    - Associate Professor Dr. Md Azman PKM Seeni Mohamed (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Abdul Rahim Hussein (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Ahzad Hadi Ahmad (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Anis Farhan Kamaruddin (Advanced Medical & Dental Institute) (2)
    - Dr. Anusha A/P Achuthan (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Ch'ng Ewe Seng (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Chong Soon Eu (Advanced Medical & Dental Institute) (2)
    - Dr. Chooi Weng Tink (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Doblin Anak Sandai (Advanced Medical & Dental Institute) (3)
    - Dr. Emmanuel Jairaj Moses (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Erazuliana Abd Kadir (Advanced Medical & Dental Institute) (1)
    - Dr. Fatanah Mohamad Suhaimi (Advanced Medical & Dental Institute) (1)

Gambar 1: Paparan senarai nama pensyarah yang diketahui mendepositkan artikel dalam sistem ePrints.



Browse by Year where Division is "Zoom Profil Pakar (Expert Profile) > Professor Dr. Wan Rosli Wan Ishak (Health Sciences)"

Up a level

- Universiti Sains Malaysia (USM) & Affiliates (35507)
  - Zoom Profil Pakar (Expert Profile) (215)
    - **Professor Dr. Wan Rosli Wan Ishak (Health Sciences)** (68)

Please select a value to browse from the list below.

- 2017 (1)
- 2016 (10)
- 2015 (8)
- 2014 (17)
- 2013 (8)
- 2012 (7)
- 2011 (6)
- 2010 (4)
- 2008 (1)
- 2007 (1)
- 2006 (1)
- 2005 (1)
- 2004 (1)
- 2003 (1)
- 1998 (1)

Contoh URL ID Expert Profile ePrints:
http://eprints.usm.my/view/divisions/wrosli/

Gambar 2: Laman ID Expert Profile ePrints bagi salah seorang pensyarah USM memaparkan jumlah artikel yang ditulisnya mengikut tahun terbitan.



**The Wondrous of Fungus World**

Ishak, Wan Rosli Wan and Ng, Sze Han (2017) *The Wondrous of Fungus World.* In: Functional Foods Wonder Of The World Evidence-Based Functional Foods In Health & Disease. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia, pp. 105-128. ISBN 978-967-344-737-4

PDF
Download (1099Kb)

**Abstract**

Mushrooms can be defined as "macrofungi" with distinctive fruiting bodies that could be hypogenous or epigeous, large enough to be seen by naked eyes and to be picked by hand (Chang & Miles, 1992). They contain no chlorophyll, therefore, do not have leaves, seeds or roots and in real do not need any light to grow. They are a group of fleshy macroscopic fungus which propagates by releasing spores in the dark and typically grew on its food source or on soil above ground. Through the process of fructification, the fruiting bodies are developed from spacious underground mycelia (hyphae). They require a substrate agricultural waste to absorb nutrition and produce enzymes which degrade complex organic matter (Walde et al., 2006). The estimated lifetime of fruiting bodies is only 10-14 days (Kalac, 2009).

| | |
|---|---|
| **Item Type:** | Book Section |
| **Subjects:** | R Medicine > RA Public aspects of medicine > RA0421 Public health. Hygiene. Preventive Medicine |
| **Divisions:** | Kampus Kesihatan (Health Campus) > Pusat Pengajian Sains Kesihatan (School of Health Sciences) > Book Section/Chapter<br>Zoom Profil Pakar (Expert Profile) > Professor Dr. Wan Rosli Wan Ishak (Health Sciences) |
| **Depositing User:** | Administrator Automasi |
| **Date Deposited:** | 09 Feb 2018 16:52 |
| **Last Modified:** | 09 Feb 2018 16:52 |
| **URI:** | http://eprints.usm.my/id/eprint/38775 |

Gambar 3: Paparan artikel yang telah dilabelkan nama pensyarah dibawah field "Divsions" yang telah ditetapkan.

# PUSAT PENYIMPANAN KOLEKSI NEGARA ZON UTARA (PPKNU) DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DARI 1988 SEHINGGA 2017

**Oleh: Fujica Azura Fesal**

*Pengenalan*

Segala-galanya bermula pada Jun 1987, apabila Encik Edward Lim Huck Tee, Ketua Pustakawan Universiti Sains Malaysia menerima sepucuk surat dari Pemangku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu Dr. Donald Earlian Kingsley Wijasuriya (D.E.K. Wijasuriya). Surat tersebut menyatakan tentang akta yang baru diwujudkan iaitu Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 yang mula berkuatkuasa pada 15 April 1987. Akta tersebut memperuntukkan penyerahan bahan bercetak sebanyak 5 naskhah dan 2 naskhah bahan tidak bercetak yang diterbitkan dalam negara secara automatik kepada perpustakaan Negara Malaysia untuk tujuan berikut :

*Pembahagian 5 naskhah bahan bercetak*

| **Bil.** | **Perkara** | **Lokasi Bahan** |
|---|---|---|
| **1** | Pemuliharaan | 1 naskhah di Perpustakaan Negara<br>1 naskhah di sebuah Perpustakaan di Semenanjung Malaysia/ di luar Wilayah Persekutuan dan Selangor<br>1 naskhah di sebuah Perpustakaan di Sabah atau Sarawak |
| **2** | Rujukan | 1 naskhah di Perpustakaan Negara |
| **3** | Pinjaman Antara Perpustakaan | 1 naskhah di Perpustakaan Negara |

*Pembahagian 2 naskhah bahan tidak bercetak*

| **Bil.** | **Perkara** | **Lokasi Bahan** |
|---|---|---|
| **1** | Pemuliharaan | 1 naskhah di Perpustakaan Negara |
| **2** | Rujukan | 1 naskhah di Perpustakaan Negara |

*Lantikan Perpustakaan USM sebagai Pusat Penyimpanan Luar bagi Perpustakaan Negara*

Surat itu juga menyatakan bahawa Perpustakaan Negara ingin melantik Perpustakaan Universiti Sains Malaysia sebagai salah sebuah Pusat Penyimpanan Luar yang bertujuan memelihara bahan yang diterima sekiranya berlaku sebarang bencana kepada Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Cadangan tersebut

telah mendapat sokongan dan persetujuan Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Sri Najib Tun Razak.

Rentetan daripada itu, beberapa siri perbincangan telah dibuat oleh pihak Pengurusan Tertinggi Perpustakaan USM bagi memenuhi keperluan lantikan sebagai Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara. Syarat-syarat yang disertakan ialah :

| **Syarat-syarat bagi Pusat Penyimpanan Luar (PPL) untuk Perpustakaan Negara Malaysia** |
| --- |
| 1. Bahan perpustakaan bercetak yang dihantar kepada PPL adalah hak mutlak Perpustakaan Negara Malaysia. Dengan demikian, bahan tersebut boleh diambil balik pada bila-bila masa difikirkan perlu. |
| 2. Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab menghantar bahan perpustakaan ke PPL dan akan membayar kos sekiranya bahan tersebut perlu dikembalikan. |
| 3. Perpustakaan Negara Malaysia akan menghantar bahan perpustakaan berserta dengan senarai bahan tersebut bagi maksud memudahkan proses pengakuan. |
| 4. Perpustakaan Negara Malaysia dibenarkan membuat penyemakan dan pemeriksaan bahan perpustakaan dalam simpanan PPL dari masa ke semasa. |
| 5. Bahan Perpustakaan yang dihantar ke PPL hendaklah disimpan dalam koleksi berasingan dan dalam keadaan optima bagi maksud pemuliharaan. |
| 6. Bahan Perpustakaan dalam PPL boleh dirujuk oleh pengguna-pengguna atas permintaan. |
| 7. PPL adalah bertanggungjawab bagi keselamatan dan pemuliharaan bahan perpustakaan yang dihantar oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan akan mengambil tindakan untuk membaiki atau mengganti bahan perpustkaan yang rosak dan hilang. |
| 8. Cara susunan bahan perpustakaan yang dihantar adalah tanggungjawab PPL. |
| 9. PPL akan melantik seorang daripada kakitangannya untuk menjadi pegawai perhubungan dan memberitahu Perpustakaan Negara Malaysia. |

*Tanggungjawab Bahagian berkenaan dan pengendalian bahan*

Dalam beberapa perbincangan yang diadakan pada bulan Ogos dan September 1987, senarai tugas beberapa bahagian yang terlibat dengan proses pengendalian bahan PPL diselaraskan.

| **Bil** | **Bahagian** | **Tugas/ Pengendalian bahan PPL** |
| --- | --- | --- |
| **1.** | Malaysiana dan Arkib | Membuat penerimaan bahan PPL dan pemilihan judul untuk dimasukkan ke dalam koleksi Perpustakaan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | Menjadi perantara Perpustakaan USM untuk berhubung dengan Perpustakaan Negara Malaysia berkenaan koleksi PPL.<br><br>Mengurus koleksi PPL untuk perkhidmatan kepada pengguna. |
| **2.** | Perolehan | Mengecap ‘PNM/PPL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA’ di muka surat judul.<br><br>Mengecap Nombor perolehan yang dimulai dengan nombor 51 untuk membezakan bahan PPL dan bahan Perpustakaan USM. (contoh: 510003193) |
| **3.** | Proses Teknik | Mengkatalog bahan dengan nombor panggilan yang sesuai dan mengikut piawaian yang ditetapkan. |
| **4.** | Bersiri | Membuat semakan rekod tajuk-tajuk majalah<br><br>Membuat penjilidan majalah yang diambil dari PPL. |




*Perjanjian dimeterai*

Pada 7 Jun 1988, perjanjian telah dimeterai secara rasminya di antara Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Naib Canselor, Tan Sri Musa Mohamad mewakili USM dengan disaksikan oleh Ketua Pustakawan, Encik Edward Lim Huck Tee. Manakala PNM

diwakili oleh Dr. Donald Earlian Kingsley Wijasuriya selaku Ketua Pengarah dengan disaksikan oleh Tuan Haji Wan Ali Wan Mamat.

Perjanjian ini telah disempurnakan dengan baik selama 14 tahun sehingga tahun 2002. Namun kerana masalah ruang simpanan yang terhad dan tiada staf yang dapat membantu memproses bahan PPL secara sepenuh masa, pihak Perpustakaan USM telah membuat satu surat menyatakan niat untuk menamatkan perjanjian tersebut. Perkara ini telah diuruskan oleh Encik Ramli Abdul Samad, Ketua Bahagian Malaysiana pada waktu tersebut dan ditandatangani oleh Puan Noor Ida Yang Rashdi selaku Ketua Pustakawan USM. Perkara ini dijalankan mengikut klausa ke-10 yang tertera di dalam perjanjian yang mengatakan bahawa

*"Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi satu bulan notis bertulis".*

Penamatan perjanjian bukan satu perkara yang mudah kerana penangguhan penyerahan semula ini berlanjutan sehingga tahun 2006. Namun setelah penilaian semula dibuat terhadap koleksi di mana koleksi tersebut mempunyai berbagai bahan rujukan yang bernilai, Puan Sofiah Hashim, Ketua Pustakawan Perpustakaan USM bersetuju untuk meneruskan Projek Penyimpanan Koleksi Negara Zon Utara PPKNU. Keputusan ini juga diambil kerana Perpustakaan telah mendapat satu ruang sementara yang dikosongkan oleh Perpustakaan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju di Perpustakaan Hamzah Sendut 2. Projek diselia oleh Puan Siti Roudhah Mohamad Saad selaku Ketua Bahagian Malaysiana dan Arkib pada waktu tersebut.

*Penerimaan Bahan*

Pada permulaan, bahan-bahan yang diterima tidak dapat direkod secara sistematik. Anggaran bahan-bahan yang diterima oleh Perpustakaan USM dari 1988 sehingga tahun 2002 ialah :

a) 58,260 naskhah buku

b) 79,280 naskhah majalah

c) 143 kotak surat khabar

Disebabkan penerimaan telah terhenti pada tahun 2002, maka penerimaan pada Disember 2007 meliputi tahun 2002 hingga 2007. Anggaran bahan yang diterima dalam tempoh waktu tersebut ialah :

d) Jumlah kotak yang diterima : 1,642 kotak

e) Anggaran jumlah bahan untuk 1 kotak : 100 bahan

f) Anggaran keseluruhan bahan : 164,200 bahan

Selepas dari waktu tersebut bahan yang dihantar telah direkod dengan lebih kemas dan mudah dikesan. Untuk rekod, sehingga tahun 2016 Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah membuat penerimaan bahan PPKNU seperti berikut :

| No. | Penghantaran | Kotak | Naskhah |
|---|---|---|---|
| 1. | Hantaran Bil. 1/2007 | 964 | 164,200 (anggaran) |
| 2. | Hantaran Bil. 1 -3 /2008 | 436 | 35,102 |
| 3. | Hantaran Bil. 1-4/2009 | 317 | 24, 515 |
| 4. | Hantaran Bil. 1-3/2010 | 342 | 27, 128 |
| 5. | Hantaran Bil. 1-3/2011 | 346 | 28,256 |
| 6. | Hantaran Bil. 1-3/2012 | 294 | 25,544 |
| 7. | Hantaran Bil. 1-3/2014 | 580 | 53,956 |
| 8. | Hantaran Bil. 1-3/2015 | 271 | 21,971 |
| 9. | Hantaran Bil. 1/2016 | 140 | 11,597 |
| **JUMLAH** | | **3,690** | **228,069** |

Dari keseluruhan bahan yang diterima ini, sebanyak 7,000 judul telah diintegrasi ke dalam koleksi Perpustakaan USM.



*Lawatan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia*

Selain lawatan kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia secara berkala untuk memantau Koleksi ini, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara juga memberi perhatian yang berat untuk Koleksi Negara tersebut. Satu lawatan telah diaturkan oleh Ketua Bahagian Malaysiana, Puan Habsah Abdul Rahman pada 6hb September 2012 supaya Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Y.Bhg. Dato' Raslin Abu Bakar dapat melihat perkembangan dan prestasi Pusat Penyimpanan Luar di USM. Lawatan itu juga diadakan bertujuan untuk membuat satu perbincangan yang dapat menambahbaik perkhidmatan untuk koleksi PPKNU.

Hasil dari lawatan itu, Ketua Pengarah PNM telah bersetuju untuk membekalkan rak padat untuk digunakan bagi menyusun atur bahan di stor simpanan tersebut. Oleh kerana Perpustakaan sedang menjalani projek pengubahsuaian semula bangunan pada tahun 2013, maka rak padat hanya dapat diterima pada tahun 2014. Perpustakaan USM telah membuat penerimaan 26 unit rak padat dengan pembahagian sebanyak 20 unit dipasang di stor PPKNU, PHS 1 menggantikan stor suratkhabar dan sebanyak 6 unit dipasang di tingkat 3, Bahagian Malaysiana dan Arkib, Bangunan Baru PHS.




*Penamatan Perjanjian*

Setiap yang bermula pasti akan berakhir. Begitu juga dengan Projek PPKNU di USM. Atas faktor ruang dan kekangan tenaga kerja untuk memproses bahan-bahan tersebut, Perpustakaan USM sekali lagi telah menyampaikan hasrat untuk menamatkan perjanjian pada bulan Mei 2016. Pemangku Ketua Pustakawan, Encik Ali Abdul Rahim bersama-sama Pegawai Undang-undang USM, Dr. Khairul Anuar Bin Che Azmi telah membincangkan perkara ini dengan Ketua Pengarah PNM, Dato' Nafisah Ahmad bertempat di Bilik

Mesyuarat, Perpustakaan Negara Malaysia. Penyerahan semula bahan PPKNU diterima dengan baik oleh pihak PNM dan perancangan pengambilan semula bahan telah dilakukan oleh kedua-dua belah pihak.

Projek pemindahan keluar bahan bermula pada bulan November 2016 dan selesai pada bulan Februari 2017 dengan seliaan Puan Radia Banu Jan Mohamad, Ketua Bahagian Malaysiana dan Arkib dan Puan Anisatul-Wahidah Abdul Wahid, Timbalan Pengarah, Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM. Perpustakaan USM telah menyiapkan senarai bahan yang telah diambil untuk koleksi dan dihantar pada bulan Jun 2017 kepada PNM. Dengan itu menandakan selesai juga jalinan kerjasama antara kedua-dua perpustakaan.

Perpustakaan Negara Malaysia telah berbesar hati menyerahkan 6 unit rak padat yang dipasang di Bahagian Malaysiana dan Arkib serta 23,000 naskhah bahan untuk ditambah ke dalam koleksi sebagai tanda penghargaan perkhidmatan Perpustakaan USM selama 28 tahun menjalankan tanggungjawab menjaga Pusat Penyimpanan Koleksi Negara Zon Utara.

# LAPORAN AKTIVTI ANGKATAN SENI DAN SUKAN PERPUSTAKAAN (ASTAKA) PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT 2017

**Disusun oleh: Noor Azlinda Wan Jan (Setiausaha ASTAKA 2016/2018)**

## AHLI JAWATANKUASA ASTAKA 2016/2018

| Bil. | Nama Staf | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | Encik Noor Azman Vijay Abdullah | Presiden |
| 2. | Encik Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini | Naib Presiden |
| 3. | Puan Hazwani Jamaluddin | Bendahari |
| 4. | Puan Noor Azlinda Wan Jan | Setiausaha |
| 5. | Cik Salasiah Zakaria | Penolong Setiausaha |
| 6. | Puan Siti Nuraishah Nasir | Setiausaha Sosial |
| 7. | Puan Fujica Azura Fesal | Penolong Setiausaha Sosial |
| 8. | Encik Zambri Hassan | Setiausaha Sukan |
| 9. | Encik Ahmad Tarmizi Mohd Jaaffar | Penolong Setiausaha Sukan |
| 10. | Encik Zulfadli Zainal | Setiausaha Kebajikan |
| 11. | Puan Intan Haryati Ibrahim | Wakil Ikhtisas |
| 12. | Puan Paramaswary Anthony Morris | Wakil Setiausaha Pejabat |
| 13. | Puan Ainun Zakiah Zanial | Wakil Penolong Jurutera |
| 14. | Encik Azizan Md Zin | Wakil Pembantu Pustakawan 1 |
| 15. | Encik Noor Azizan Abu Hashim | Wakil Pembantu Pustakawan 2 |
| 16. | Encik Kamarul Hisham Kamaruz’zaman | Wakil Pembantu Operasi |

**AKTIVITI ASTAKA 2017**

**1. SOSIAL**

| Aktiviti | Butiran |
|---|---|
| Majlis Persaraan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (Encik Ali Abd Rahim) | Tarikh : 17 Februari 2017 (Jumaat)<br>Masa : 8:30 pagi – 12.00 tengah hari<br>Tempat : Academic Lounge, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 |
| Jamuan serentak bagi Deepavali 2016 dan Tahun Baru Cina 2017<br>(Diadakan bersama Majlis Persaraan Staf Perpustakaan Hamzah Sendut yang diuruskan oleh Jawatankuasa Majlis Persaraan Staf Perpustakaan) | Tarikh : 24 Februari 2017 (Jumaat)<br>Masa : 9:00 pagi – 12.00 tengah hari<br>Tempat : Bilik Rehat, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 |
| Pembelian Kurma untuk Ramadhan | Diserahkan pada :23 Mei 2017 (Selasa) |
| Jamuan Hari Raya Aidilfitri USM'17 | Tarikh: 19 Julai 2017 (Rabu)<br>Masa: 12.30 tengah hari- 2.30 petang<br>Tempat: Perkarangan Bangunan Canselori II dan Permatang Pelajar, USM Pulau Pinang |
| Jamuan Hari Raya ASTAKA | Tarikh :27 Julai 2017 (Jumaat)<br>Masa :10.00 pagi<br>Tempat :Bilik Rehat Staf, PHS 1 |
| Jamuan Deepavali ASTAKA | Tarikh :23 November 2017 (Khamis)<br>Masa :9.45 pagi<br>Tempat :Bilik Rehat Staf, PHS 1 |
| Majlis Makan Malam ASTAKA | Tarikh : 11 November 2017 (Sabtu)<br>Masa : 7.00 malam<br>Tempat : The Light Hotel, Seberang Jaya<br>Tema: Pastel |

**2. SUKAN**

| Sukan/Kejohanan | Tarikh | Tempat | Catatan |
|---|---|---|---|
| Pentanque (SUKJAP USM) | 11 September 2017 (Isnin) | Gelanggang Petanque USM | **Ahli Terlibat:**<br><br>Ahmad Termizi Najamuddin<br>Ahmad Tarmizi Mohd Jaaffar<br>Mohd Syibri Afnan Mhd Fakhruddin<br>Muhamad Amin Azmi<br>Noor Azizan Abu Hashim<br>Muhammad Hanif Rosli |
| Bola Jaring (SUKJAP USM) | 11 September 2017 (Isnin) | Azman Hashim USM Sports Arena | **Ahli Terlibat:**<br><br>Norasyikin Ishak<br>Noor Zaini Khairul Khan<br>Hazwani Jamaluddin<br>Siti Nuraishah Nasir<br>Salasiah Zakaria<br>Zaharah Amir |
| Badminton ASTAKA | 25 November 2017 (Sabtu) | Dewan Badminton Bukit Dumbar | **Pemenang**<br><br>**Kategori Lelaki:**<br><br>**Juara**<br>Mohd Zaidi Ahmad<br>Ariffin Aziz<br><br>**Naib Juara**<br>Ahmad Termizi Najmuddin<br>Muhammad Safuan Tajudin<br><br>**Ketiga**<br>Noor Azizan Abu Hashim<br>Muhammad Hanif Rosli<br><br>**Keempat**<br>Noorazilan Noordin<br>Norisham Shaik Ali Akbar |

## 3. KEBAJIKAN

| Perkara | Tarikh |
|---|---|
| **Kematian Staf/Suami/Isteri/Ibu/Bapa/Anak** | |
| Krishnan Ramasamy - Ibu | 16 Februari 2017 |
| Mohd Fariz Izwan Komarudin - Ibu | 28 Mac 2017 |
| Mohd Ridzwan Mohd Noor - Anak | 21 Sept 2017 |
| Md Naim Salis - Ibu | 12 Dis 2017 |
| | |
| **Masuk Wad** | |
| Noor Adilah Azmi | Februari 2017 |
| Premnath A/L Muniandy | May 2017 |
| Phuah Seng Tat | November 2017 |
| | |
| **Kelahiran Anak** | |
| Sarbani Mohd Said | 5 Ogos 2017 |
| Mohd Ridzwan Mohd Noor | 21 Sept 2017 |
| Mohd Fariz Izwan Komarudin | 7 Okt 2017 |
| Firdaus Mohamad | 16 Okt 2017 |
| Nor Azliza Ayob | 7 Okt 2017 |
| Noor Adilah Azmi | 5 Ogos 2017 |
| Wan Linda Suryanti Wan Abdullah Sani | 25 Okt 2017 |
| | |
| **Bersara** | |
| Amin Razip Hassan | 30 Januari 2017 |
| Ali Abdul Rahim | 20 Februari 2017 |
| Nor Adzam Baba | 1 Mac 2017 |
| Abd. Basher Abdullah | 8 Mac 2017 |
| Musthapa Ismail | 4 September 2017 |
| Hashim Hasan | 1 Ogos 2017 |
| Teh Toh Seng | 30 Nov 2017 |
| Ariffin Aziz | 30 Nov 2017 |
| Mohd Nasir Abu Hashim | 4 Dis 2017 |
| | |
| **Tukar Jabatan** | |
| Noordin Ahmad | Julai 2017 |
| Shuhani Ridzwan | Julai 2017 |
| Norazean Noor Mohamad | Ogos 2017 |
| Azizah Ahmad | Ogos 2017 |
| | |
| **Tukar Cawangan** | |
| Aini Yusof | Julai 2017 |
| Noramin Bin Aman Noor Han | Julai 2017 |
| Ahmad Syammuri Bin Bakar | Julai 2017 |

| **Perkara** | **Tarikh** |
|---|---|
| Mahfuzah Binti Mat Shaari | Julai 2017 |
| | |
| **Bencana Alam** | |
| Mohd Nasir Md Rashid | 6 Nov 2017 |
| Kirubananthan Sundaraju | 6 Nov 2017 |
| Ahmad Tarmizi Mohd Jaaffar | 6 Nov 2017 |
| Norshamsuriani Shaari | 6 Nov 2017 |
| Noorasyikin Ishak | 6 Nov 2017 |
| Nurul Nadrah Abdul Kader | 6 Nov 2017 |
| Md Naim Salis | 6 Nov 2017 |
| | |
| **Sumbangan Khas / Sumbangan Ikhlas / Lain-lain** | |
| Sumbangan Ikhlas Kematian Ibu<br>Krishnan Ramasamy | 16 Februari 2017 |
| Sumbangan Ikhlas Kematian Ibu<br>Mohd Fariz Izwan Komarudin | 28 Mac 2017 |
| Kutipan Derma Aktiviti Ramadhan di Hospital Pulau Pinang | 15 Jun 2015 |
| Sumbangan Ikhlas Kematian Anak<br>Mohd Ridzwan Mohd Noor | 21 Sept 2017 |
| Sumbangan Ikhlas Kematian Ibu<br>Md Naim Salis | 12 Dis 2017 |
| Sumbangan Ikhlas Mangsa Banjir di Pulau Pinang<br>*1. Mohd Nasir Md Rashid*<br>*2. Kirubananthan Sundaraju*<br>*3. Ahmad Tarmizi Mohd Jaaffar*<br>*4. Norshamsuriani Shaari*<br>*5. Noorasyikin Ishak*<br>*6. Nurul Nadrah Abdul Kader*<br>*7. Md Naim Salis* | 6 Nov 2017 |
| Sumbangan Ikhlas Bantuan Rawatan Anak Abd Rahman Bin Majid | 10 Dis 2017 |

| **Aktiviti Tambahan** | **Tarikh** | **Masa** | **Tempat** |
|---|---|---|---|
| Majlis bacaan Yasin (Untuk Ibu Encik Mohd Fariz Izwan Komarudin) | 28 Mac 2017 (Selasa) | 3.30 petang | Surau PHS |
| Majlis Bacaan Yasin Sempena Bulan Ramadhan | 25 Mei 2017 (Khamis) | 9.30 pagi | Bilik Rehat Staf, PHS 1 |

# SENARAI PENYELIDIKAN STAF PERPUSTAKAAN 2017

| NO. | PENULIS | JUDUL | PERSIDANGAN/ JURNAL | JENIS BAHAN | TAHUN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Ahmad Murad Mohd Noor Merican, Radia Banu Jan Mohamad, Noor Azlinda Wan Jan, Fujica Azura Fesal | Almost Forgotten: Revisiting The Library | 6 th International Conference on Libraries (ICOL) 2017 | *e-Proceeding of the 6 th International Conference on Libraries (ICOL) 2017,* <br><br> *ISBN 978-967-12049-2-4* <br><br> *eISBN 978-967-12049-3-1* | 2017 |
| 2. | Ahmad Murad Mohd Noor Merican, Radia Banu Jan Mohamad, Noor Azlinda Wan Jan, Fujica Azura Fesal | Almost Forgotten: Revisiting the 'Toxic Sources' | 6 th International Conference on Libraries (ICOL) 2017 | *Jurnal PPM: Journal of Malaysian Librarians, Volume 11* | 2017 |
| 3. | Zainab Ajab Mohideen, Kiran Kaur, Sukmawati Muhamad, Noor Azlinda Wan Jan, A Basheer Ahamadhu | ITIL: Implementation And Service Management Best Practices In Malaysian Academic Libraries | 2nd International Conference On "Regional Challenges To Multidisciplinary Innovation " (RCMI-2016) | *International Journal of Technology and Engineering Studies vol. 3, no. 2, pp. 65-73, 2017* | 2017 |
| 4. | Mohd Ikhwan Ismail, Mohd Kamal Mohd Napiah, Siti Roudhah Mohamad Saad, Cik Ramlah Che | Open Access Publication Of Universiti Sains Malaysia: A Bibliometric Analysis | 6 th International Conference on Libraries (ICOL) 2017 | *e-Proceeding of the 6 th International Conference on Libraries (ICOL) 2017, ISBN 978-967-* | 2017 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Jaafar, Noor Adilah Azmi, Rosnani Ahmad, Jamilah Hassan Basri, Muhammad Akmal Ahmat, A. Basheer Ahamadhu Ameer Sultan, Farah Aisyah Jasni, Nur Afifa Khairuddin, Farah NurLiyana Ahmad Al-Munawar | | | *12049-2-4 eISBN 978-967-12049-3-1* | |
| 5. | Mohd Ikhwan Ismail, Mohd Kamal Mohd Napiah, Siti Roudhah Mohamad Saad, Cik Ramlah Che Jaafar, Noor Adilah Azmi, Rosnani Ahmad, Jamilah Hassan Basri, Muhammad Akmal Ahmat, A. Basheer Ahamadhu Ameer Sultan, Farah Aisyah Jasni, Nur Afifa Khairuddin, Farah NurLiyana Ahmad Al-Munawar | Open Access Publication Of Universiti Sains Malaysia: A Bibliometric Analysis | 6 th International Conference on Libraries (ICOL) 2017 | *Jurnal PPM: Journal of Malaysian Librarians, Volume 11* | 2017 |

## SENARAI STAF BERTUKAR KE JABATAN LAIN

| Bil. | Nama | Jawatan | Tarikh Pertukaran/Jabatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Norazean Noor Mohamad | Pemb. Tadbir (P/O) N19 KUP | 1/4/17 / Bahagian Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa |
| 2. | Azizah Ahmad | Setiausaha Pejabat N29 | 1/6/17 / P.P. Komunikasi |
| 3. | Shahnizam Ab Rahim | Pemb. Operasi N11 | 1/7/17 / Pejabat Naib Canselor |
| 4. | Mohd Fathullah Zulkeply | Jurutera JA29 | 1/8/17 / PTPM |

## SENARAI STAF BERTUKAR DARI BAHAGIAN KE BAHAGIAN

| Bil. | Nama | Jawatan | Dari Bahagian | Ke Bahagian | Tarikh Pertukaran | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Siti Fatimah Hashim *(Kenaikan Pangkat)* | Pen. Ketua Pustakawan S48 | BS | BPPS (Pej. KP) | 17/4/17 | **Timbalan Ketua Pustakawan** |
| 2. | Husriati Hussain | Pustakawan Kanan S44 | BBB | BS | 17/4/17 | |
| 3. | Tuan Sira Zawana Tuan Yaakub | Pustakawan Kanan S44 | BPK | BBB | 17/4/17 | |
| 4. | Latipah Yahaya | Pemb. Tadbir (P/O) N19 | BPP | BBB | 17/4/17 | |
| 5. | Norshamsuriani Shaari | Pemb. Tadbir (P/O) N19 | BPK | BPP | 17/4/17 | |
| 6. | Zairani Zaireen Mohd Khalil | Pemb. Tadbir (P/O) N19 | | BP& BPK | 17/4/17 | |
| 7. | Al-Rashid Kalandar Mastan | Pemb. Pustakawan S22 | BP | BMA | 3/7/17 | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 8. | Ariffin Aziz | Pemb. Pustakawan S22 KUP | BPPS | BS | 3/7/17 | |
| 9. | Azizan Md Zin | Pemb. Pustakawan S22 KUP | BP | BPPS (Pej.TKP) | 3/7/17 | |
| 10. | Dzul Hilmi Abu Bakar | Pemb. Pustakawan S19 | BPK | BBB | 3/7/17 | |
| 11. | Hasril Fadzli Hasan | Pemb. Pustakawan S22 | BMA | BP | 3/7/17 | |
| 12. | Hazaralie Ramlee | Pemb. Pustakawan S19 | BRP | BP | 3/7/17 | |
| 13. | Megat Muhammad Badrul Hisyam bin IsMail | Pemb. Pustakawan S19 | BP | BS | 3/7/17 | |
| 14. | Mohd. Ridzwan Mohd. Noor | Pemb. Pustakawan S19 | BS | BP | 3/7/17 | |
| 15. | Mohd Zaidi Ahmad @ Ramli | Pemb. Pustakawan S19 | BS | BPK | 3/7/17 | |
| 16. | Zambri Hassan | Pemb. Pustakawan S19 | BBB | BPPS (Pej. KP) | 3/7/17 | |

## SENARAI STAF BAHARU

| Bil. | Nama | Jawatan | Tarikh Lapor | Tarikh Penempatan | Tempat Bertugas |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Amirah bt. Ayoib | Pustakawan S41 | 1/2/2017 | 29.5.2017 | Bahagian Pengkatalogan<br>*(Letak Jawatan - 31/10/17)* |
| | | | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2. | Rabiahtul Adauwiyah bt. Abu Hanipah | Pustakawan S41 | 1/2/2017 | 29.5.2017 | Bahagian Pengkatalogan |
| 3. | Azfar Ar Rasyid bin Arshad | Pembantu Pustakawan S19<br>(Kontrak) | 16/10/2017 | 1.3.2018 | Bahagian Sirkulasi |
| 4. | Marzali bin Zailan | Pembantu Pustakawan S19<br>(Kontrak) | 16/10/2017 | 1.3.2018 | Bahagian Sirkulasi |
| 5. | Muhamad Khairul Husni bin Zaidi | Pembantu Pustakawan S19<br>(Kontrak) | 16/10/2017 | 1.3.2018 | Bahagian Sirkulasi |
| 6. | Nurul Nadrah bt. Abdul Kader | Pembantu Pustakawan S19<br>(Kontrak) | 1/11/2017 | 1.3.2018 | Unit Pengurusan Data Penyelidikan |
| 7. | Noor Husyada bt. Mohd Nazri | Pembantu Pustakawan S19<br>(Kontrak) | 7/11/2017 | 1.3.2018 | Unit Sokongan Penyelidikan |
| 8. | Mohammad Harish bin Sabri | Pembantu Pustakawan S19<br>(Kontrak) | 11/12/2017 | Belum diketahui | |
| 9. | Mohd Fariz Izwan bin Komarudin | Pustakawan S41 | 22/12/2017 | 29.1.2017 | Bahagian Pengkatalogan |

# KOLEKSI GAMBAR TERPILIH AKTIVITI PERPUSTAKAAN TAHUN 2017

## 1. *MAJLIS PERSARAAN KETUA PUSTAKAWAN 2017*

Tarikh : 17 Februari 2017 (Jumaat)
Masa : 8.30 pagi – 12.00 tengahari
Tempat : Academic Lounge, Perpustakaan Hamzah Sendut 1














## *2. MINGGU BERSAMA PELANGGAN 2017*

25 April 2017 - Jom Baca Bersama 10 Minit - 11:00 a.m. - 11:10 a.m.
25 April 2017 - Database of the Day! It is a Wiley Day - 10:00 a.m. - 12:00 p.m.
25 April 2017 - Happy Hours! 11:10 - a.m. - 2:00 p.m.

26 April 2017 - Program Saringan Kesihatan Pusat Sejahtera! 9:00 a.m. - 12:30 p.m.
26 April 2017 - Database of the Day! It is a JSTOR Day - 10:00 a.m. - 12:00 p.m.
26 April 2017 - Happy Hours! 11:00 - a.m. - 2:00 p.m.




27 April 2017 - Persembahan Kelab Kungfu USM! 12:30 p.m. - 1:00 p.m.
27 April 2017 - Happy Hours! 11:00 - a.m. - 2:00 p.m.

28 April 2017 - Happy Hours! 3:00 - p.m. - 4:00 p.m.
28 April 2017 - Database of the Day! t is a Taylor & Francis Day - 10:00 a.m. - 12:00 p.m.

2 Mei 2017 - Database of the Day! ProQuest Ebook Central Platform Training! 10:00 a.m. - 12:00 p.m.
2 Mei 2017 - Happy Hours! 11:00 - a.m. - 2:00 p.m.

3 Mei 2017 - Research Support Training! 9:00 a.m. - 4:00 p.m.
3 Mei 2017 - Persembahan Sketsa Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia USM! 12:30 p.m. - 1:30 p.m.
3 Mei 2017 - Persembahan DB Band! 2:30 p.m. - 3:30 p.m.

4 Mei 2017 - Database of the Day! It is a Ebsco Day!10:00 a.m. - 12:00 p.m.
4 Mei 2017 - Persembahan Persatuan Kebudayaan India! 12:30 p.m. - 1:30 p.m.
4 Mei 2017 - Majlis Penghargaan Pengguna Perpustakaan! 2:30 p.m. - 3:30 p.m.









## *3. MAJLIS PENGHARGAAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN USM 2016*

Tarikh : 28 September 2017 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengahari
Tempat : Academic Lounge, Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia



## *4. PROGRAM RESEARCH SUPPORT WORKSHOP: EMPOWERING SKILLS OF RESEARCHERS*

Tarikh : 3 & 4 Oktober 2017 (Selasa & Rabu)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Makmal Komputer, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia










## *5. PROGRAM BASIC ENGLISH COMMUNICATION SKILLS FOR COUNTER STAFF*

Tarikh : 29 Ogos & 7 September 2017 (Selasa & Khamis)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Makmal Komputer, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia








www.usm.my | www.lib.usm.my

Hamzah Sendut Library, Universiti Sains Malaysia, 11800,
Pulau Pinang Malaysia
Help Desk / i-Counter : +604-653 3720 | Office : +604-653 3700 |
Fax : +604-653 2508 | Emel : adminlib@usm.my



ISSN 2289-1595

9 772289 159007